

KOMUNIKASI INTRAPERSONAL DAN PENCAPAIAN
AKADEMIK : SATU KAJIAN KES DI SEBUAH INSTITUSI
SWASTA DI TERENGGANU

ANIZA RJ MOHAMED

MASTER OF SCIENCE
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2008

886

1100068322


Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (Universiti Malaysia Terengganu)

thesis
HM 116.A5 2008



1100068322

Komunikasi intrapersonal dan pencapaian akademik : satu kajian kes di sebuah institusi swasta di Terengganu / Aniza Hj Mohamed.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NOR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU.

1100068322

**KOMUNIKASI INTRAPERSONAL DAN PENCAPAIAN AKADEMIK :
SATU KAJIAN KES DI SEBUAH INSTITUSI SWASTA DI
TERENGGANU**

ANIZA HJ MOHAMED

**Tesis Ini Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat Untuk Ijazah Sarjana Sains
Di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu
(UMT)**

Februari 2008

110006832.?

Teristimewa untuk:

Ayahanda tercinta yang sudah lama kembali ke alam barzah,
Ibunda yang dikasih yang tak jemu-jemu menyanyangiku,
Hj Mohamed bin Salleh dan Hajjah Ma'munah btAbd Rahmam,
Bapa mertua yang sudah kembali ke rahmatullah dan Ibu mertua yang dihormati,

Suami yang tersayang, yang sentiasa sabar dan tenang melayan kerendahku,
Mohd Zaki Bin Abu Bakar.

Puteraputeriku yang dikasih,
Nur-Muhammad Qayum Bin Mohd Zaki,
Nur-Muhammad Qayim Bin Mohd Zaki,
Nur Nisa Qarina Wasilah Binti Mohd Zaki,
Semoga kelak, kalian akan menjadi hamba Allah yang berilmu.

Serta seluruh ahli keluarga yang tersayang,
Yang sentiasa memberi semangat dan dorongan demi kejayaanku.

Semua warga kerja Kolej Yayasan Terengganu dan Para pelajar Kolej Yayasan
Terengganu,
Yang selama ini, kita saling sayang menyayangi dan hormat-menghormati

Ilarapan, doa, pengorbanan, pengertian dan perhatian kalian memberikan aku sumber ilham untuk ku teruskan perjuangan mengharungi liku-liku meraih ilmu di lautan yang luas yang penuh dengan cabaran ombak dan badai sehingga aku hampir tenggelam dan lemas di dalam arusnya,

Harapanku, mudah-mudahan Allah jua yang dapat memberikan ketabahan dan kekuatan untuk ku dayungi lautan ilmu itu sehingga selamat kepantauL

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

KOMUNIKASI INTRAPERSONAL DAN PENCAPAIAN AKADEMIK : SATU
KAJIAN KES DI SEBUAH INSTITUSI SWASTA DI TERENGGANU

ANIZA HJ MOHAMED

Februari 2008

Pengerusi: Prof. Dato' Dr. Sulaiman Md. Yassin

Ahli : 1. Prof.. Madya Dr. Razak bin Kamaruddin

2. Prof. Madya Dr. Nik Fuad bin Nik Mohd Kamil

3. Prof. Madya Dr. Ezhar Tainan

Fakulti : Pengurusan dan Ekonomi

Komunikasi intrapersonal dan pencapaian akademik : satu kajian kes di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Terengganu merupakan tajuk kajian. Penyelidik memilih tajuk ini kerana masalah yang berkaitan dengan pencapaian akademik iaitu dari segi kecemerlangan sudah menjadi "Duri dalam daging". Isu ini tiada jalan penyelesaian yang mudah. Penyelidik ingin mengenangkan konsep komunikasi intrapersonal yang kebarangkaliarmya boleh memberikan penyelesaian kepada isu ini iaitu "Kegagalan remaja diperingkat IPX di tahap yang membimbangkan," pada tahun tajuk ini dianalisa.

Populasi kajian ialah seramai 500 orang pelajar di Kolej Yayasan Terengganu. Ianya terdiri daripada empat program iaitu Diploma Sains, Diploma Pengurusan Pemiagaan,

Diploma Perakaunan dan Diploma Sains Komputer. Responden kajian adalah seramai 250 orang. Kajian dibuat dengan menggunakan teknik persampelan rawak berlapis (Proportionate stratified random sampling) mengikut program pengajian bagi semua semester kecuali semester pertama pengajian. Data pencapaian akademik responden adalah berdasarkan kepada peperiksaan Semester Mac 2005 bagi Kolej Yayasan Terengganu. Pencapaian akademik diukur mengikut pointer CGPA atau HPNG.

Jenis kajian hanyalah berbentuk hubungan (analisis korelasi pearson) iaitu diantara pembolehubah komunikasi intrapersonal (pembolehubah bebas) dan pencapaian akademik (pembolehubah bersandar). Dimensi Komunikasi Intrapersonal yang dikaji ialah Konsep Kendiri, Motivasi dan Persepsi. Kajian bukannya berbentuk analisis regresi iaitu untuk mengetahui tahap pengaruh pembolehubah bebas.

Hasil kajian mcnunjukkan bahawa komunikasi intrapersonal mempunyai hubungan positif pada tahap yang lemah dengan pencapaian akademik menurut tafsiran connouY dan sluckin (1962). Yang membawa maksud bahawa komunikasi intrapersonal mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Malahan komunikasi intrapersonal secara keseluruhannya didapati boleh berperanan terhadap pencapaian akademik para pelajar di Kolej Yayasan Terengganu sebagaimana dapatkan kajian. Secara keseluruhannya, dapatkan kajian ini jelas menggambarkan bahawa komunikasi intrapersonal memberikan sumbangan kepada pencapaian akademik dan seterusnya membantu proses pembelajaran.